

## Adab Solat dan Puasa Serta Hubungannya dengan Pembangunan Rohani Insan: Analisis Pemikiran al-Sarrāj (M.378 H) dalam Karya al-Luma' fi Tarikh al-Tasawwuf al- Islāmī

Safiah Abd Razak <sup>1</sup>

Che Zarrina Sa'ari<sup>2</sup>

Syed Mohammad Hilmi Syed Abdul Rahman<sup>3</sup>

### Abstrak

Artikel ini akan menganalisis pemikiran Abu Nasr al-Sarraj, seorang ulama *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah* yang telah memberikan sumbangan penting dalam bidang keilmuan Islam khususnya dalam bidang tasawuf. Tumpuan analisis adalah berkaitan adab-adab sufi yang dibahaskan oleh al-Sarraj dalam karya beliau *al-Luma' Fi Tarikh al-Tasawwuf al-Islami* serta kaitannya dengan perspektif pembangunan rohani insan. Pemikiran beliau terhadap adab dan etika ahli sufi yang dibincangkan adalah penting untuk dibaca dan difahami oleh masyarakat Islam agar dapat menyuburkan kesungguhan masyarakat dalam menyucikan hati daripada sifat-sifat keji, bermujahadah untuk memiliki akhlak yang terpuji seterusnya menjadi contoh teladan yang baik kepada orang lain. Al-Sarraj memilih pendekatan dan metodologi tasawuf sebagai pendekatan terbaik dalam membangunkan rohani insan iaitu melalui penghayatan adab-adab dalam solat dan puasa. Pendekatan ilmu tasawuf ini dilihat mampu menyedarkan insan daripada kelalaian, mampu menjadi pelindung yang utuh daripada gejala buruk yang merosakkan jati diri sebagai mukmin dan khalifah Allah di muka bumi. Idea dan pemikiran al-Sarraj ini bukan sahaja dapat dijadikan panduan bagi membangunkan rohani insan, malah sekaligus memperkasakan ibadah dan akidah mereka khususnya dalam era globalisasi masa kini. Kajian ini diharapkan dapat memberi sumbangan keilmuan khususnya dalam bidang pembangunan rohani insan. Hasil kajian mendapati bahawa al-Sarraj telah berjaya mengemukakan metodologi bernilai bagi membangunkan rohani insan melalui penghayatan adab-adab mulia dalam amalan solat dan puasa.

**Kata Kunci:** Adab Solat, Adab Puasa, Pembangunan Rohani, Al-Sarraj, *al-Luma' Fi Tarikh Tasawwuf al-Islami*

<sup>1</sup> Calon Pengajian Doktor Falsafah, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.

<sup>2</sup> Ketua Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam, Akademi Pengajian Islam, UM

<sup>3</sup> Pensyarah Kanan Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam, Akademi Pengajian Islam, UM

### Abstract

This article will analyze the thought of Al-Sarraj, the Ahlus Sunnah scholar who has given a lot of important contributions in the field of Islamic studies especially in Tasawwuf. The focus of this analysis is pertaining to the Sufi's courtesy that has been discussed by the Al-Sarraj in his book, *al-Luma' fi Tarikh al-Tasawwuf al-Islami* together with their relation towards the perspective of human's spiritual development. His thought towards the courtesy and etiquette of the Sufi that has been discussed are important to be read and understood by Muslim community in order to develop their earnestness in purifying the heart from dishonorable characters, struggling to become a praiseworthy person and further becoming a good example toward others. Al-Sarraj has chosen the approach and methodology of Tasawwuf as the best approach in developing the human's spiritual values through the understanding and comprehension of prayer and fasting. This Tasawwuf's approach seems to be capable of awakening peoples from ignorant and also capable of being a great protector from bad influences that will negatively affecting an identity as a believer and caliph of Allah on the earth. Al-Sarraj's thought and ideas not only can be used as a guidance for human spiritual development, but also strengthen their worship and faith especially in the era of globalization. This study are hoped to provide an academic contribution especially in the field of human spiritual development. The findings of the study found out that Al-Sarraj was successfully providing a precious methodology to develop a human's spiritual values through the understanding and comprehension of noble manners in prayer and fasting.

**Keywords:** Manner of prayer, Manner of fasting, Spiritual Development, al-Sarrāj, *al-Luma' fī al-Tārīkh al-Tasawwuf al-Islāmī*.

### PENDAHULUAN

Manusia merupakan aset paling utama dalam menentukan jatuh bangunnya sebuah tamadun dan peradaban. Kejayaan membina dan membentuk insan secara seimbang di antara pembangunan jasmani dan rohani akan membawa kepada kecemerlangan masa depan ummah. Pembangunan rohani hakikatnya adalah tonggak kepada pembangunan insan sejati menurut kaca mata Islam.

Barat dan peradabannya ternyata tidak berupaya memberi jawapan dan penyelesaian kepada persoalan dan fenomena berkaitan aspek dalaman dan kerohanian manusia. Psikologi Moden yang dipelopori Barat dan diperkenalkan oleh John B. Watson pada awal tahun 1990-an melihat psikologi adalah kajian tentang tingkah laku manusia semata-mata dan tiada kaitan dengan kajian aspek dalaman manusia. Alasan mereka adalah tingkahlaku merupakan satu aspek dalam diri manusia yang boleh diperhatikan secara empirikal manakala *soul* atau minda tidak boleh diperhatikan secara empirikal.<sup>4</sup> Justeru itu pembangunan modal insan menurut Barat hanya melihat manusia sebagai subjek fizikal

---

<sup>4</sup> Zakaria Stapa dan Mohamed Asin Dollah. *Islam. Akidah dan Kerohanian*. (Selangor: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 1998) 96

semata-mata dan hanya perlu dibangunkan dari sudut kemahiran, pendidikan, perancangan tenaga kerja, kependudukan dan kemudahan kesihatan yang baik. Tiada penekanan kepada aspek spiritual, akhlak dan moral.<sup>5</sup> Meskipun terdapat usaha pihak Barat untuk memperkenalkan pembangunan yang turut menampilkan kepentingan pembangunan jiwa manusia sebagai elemen asasnya dan memberikan definisi baru kepada pembangunan. Mereka cuba menunjukkan pembangunan bukan sekadar pertumbuhan ekonomi tetapi proses kebebasan sebenar manusia untuk mencapai kepuasan dan nilai kehidupan yang lebih bernilai namun demikian usaha-usaha demikian tidak meluas dan gagal diaplikasikan dengan berkesan.<sup>6</sup>

Berasaskan fakta di atas, pembangunan insan yang dibawa oleh Barat terbukti gagal mencerminkan pembangunan bersepadu dan seimbang. Pembangunan menurut perspektif Barat hanya mementingkan aspek kemajuan berbentuk material atau fizikal semata-mata. Hal ini jauh bezanya dengan pembangunan insan menurut Islam. Pembangunan insan menurut perspektif Islam bermaksud membangunkan keunggulan keperibadian yang dimiliki oleh manusia menerusi penguasaan ilmu pengetahuan, kemahiran yang tinggi dan menerusi penghiasan diri dengan akhlak yang mulia. Manusia juga perlu dibangunkan dengan kekuatan spiritual iaitu daya dalaman dan keimanan untuk menggerakkan kesungguhan daya kerja secara ikhlas.<sup>7</sup> Usaha pembangunan insan juga perlu memfokuskan kepada usaha membangun dan melahirkan insan yang mampu melaksanakan tugas dan tanggungjawab yang diamanahkan kepadanya untuk memakmurkan bumi ini berlandaskan ajaran yang disampaikan oleh para rasul utusan Allah SWT. Malik Bennabi menyatakan bahawa konsep insan sebagai khalifah hakikatnya diamanahkan untuk mentadbir dan memakmurkan bumi Allah SWT. Amanah yang besar ini perlu dilengkapi dengan pakej yang menyeluruh merangkumi ilmu, kemahiran dan pengalaman yang bertunjangkan keagamaan. Ia tidak hanya terbatas kepada pembangunan aspek fizikal dan material semata-mata tetapi turut melibatkan pembangunan secara menyeluruh aspek rohani manusia.<sup>8</sup>

Sehubungan dengan itu, sarjana Islam sepakat mengatakan bahawa pembangunan ummah yang hanya mementingkan pembangunan fizikal semata-mata dan sebaliknya mengabaikan aspek kerohanian akan membawa masyarakat dan tamadunnya ke arah kerosakan dan kemusnahan.<sup>9</sup> Gejala sosial yang melanda ummah dewasa ini hakikatnya akibat langsung daripada pengabaian pembangunan aspek rohani manusia. Pembangunan fizikal yang berteraskan pembangunan dimensi ekonomi secara keterlaluan telah mewujudkan pelbagai perubahan sosio budaya masyarakat. Budaya mengejar kemewahan,

---

<sup>5</sup> Mohd Fauzi Hamat & Mohd Khairul Naim Che Nordin, *Akidah dan Pembangunan Modal Insan* (Kuala Lumpur: Universiti Malaya, 2012) 45

<sup>6</sup> *Ibid.* 46

<sup>7</sup> Mohd Fauzi Hamat dan Mohd Hasrul Shuhari. *Asma' al-Husna dan Modal Insan*, (Kuala Lumpur: Universiti Malaya, 2011) 48-49

<sup>8</sup> Norazlan Hadi Yaakob dan Aiza Maslan @ Baharudin. *Manusia dan Perkembangan Peradaban: Beberapa Aspek Pemikiran Malik Bennabi dan Ali Syariati*. *Journal of Human Capital Development*. Vol 7. No 1 January-June 2016) 90

<sup>9</sup> Pandangan sarjana-sarjana tentang perkara ini dapat dilihat dalam tulisan antaranya Mohd Syukri Salleh "Pembangunan Untuk Manusia atau manusia untuk Pembangunan: Analisa Tentang Manusia Dalam Pembangunan Berteraskan Islam". Dibentangkan dalam Seminar Pembangunan Islam II, (anjuran Pergerakan Pengajian Pembangunan Universiti Sains Malaysia. 1983)19; Che Zarrina Saari. *Peranan Tasawuf Dalam Pembangunan Spiritual Umat Islam di Malaysia* dalam *Pemikiran Islam Dan Cabaran Semasa*, Mohd Fauzi Hamat, Wan Suhaimi Wan Abdullah, Che Zarrina Saari (ed.). (Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya 2004).127-128; Zulkiple Abdul Ghani. *Penjanaan Tariqat tasawuf dalam Pembangunan Rohani Negara* (Negeri Sembilan: Jabatan Mufti Negeri Sembilan 2008)112

individualistik, suka berseronok dan rapuhnya ikatan kasih sayang di antara sesama keluarga dan sebagainya adalah gambaran sikap yang mewarnai kebanyakan anggota masyarakat Islam hari ini.<sup>10</sup>

Menurut Bustanuddin Agus, fenomena Globalisasi<sup>11</sup> hari ini misalnya memperlihatkan bahawa pemikiran jalan hidup dan budaya yang ditayangkan dan diedarkan oleh media-media pada asalnya tidak dan belum tentu sesuai dengan pemikiran dan budaya para penonton, pendengar dan pembaca. Namun kerana ia ditayangkan dengan kemas, menggunakan kecanggihan audio-visual serta dipaparkan berulang-ulang maka pada akhirnya diterima, ia akan dilakukan dan menjadi bahan tiruan oleh masyarakat secara amnya.<sup>12</sup> Penyebaran arus globalisasi turut membawa bersama unsur-unsur Barat yang negatif seperti penagihan dadah, pengaruh muzik rock, lumba motorsikal secara haram, pelacuran, kegiatan mencuri dan samun bersenjata, vandalisme dan sebagainya.<sup>13</sup> Pandangan di atas ditegaskan lagi oleh Jahid Sidek<sup>14</sup> yang menyatakan bahawa penyakit hati yang bersarang dalam hati manusia merupakan punca terjadinya kerosakan hidup manusia di dunia ini. Sekiranya hati mereka baik dan soleh, mereka akan memiliki kekuatan untuk menghadapi cabaran dan fitnah dunia yang disogokkan oleh dunia Barat.

Sehubungan dengan itu, para sarjana dan pengkaji Islam sepakat bersetuju bahawa pembangunan rohani memainkan peranan yang sangat penting dalam membangunkan ummah secara seimbang dan bersepadu.<sup>15</sup> Sejajar dengan hal ini, metodologi tasawuf dilihat turut memberikan sumbangan penting dalam menggarap usaha-usaha membangunkan aspek kerohanian manusia sebagaimana yang akan dibahaskan dalam penulisan ini.

---

<sup>10</sup> Nor Fadhilah binti Abdul Rahman dan Prof Dato' Zakaria bin Stapa. *Pembangunan Kerohanian Berasaskan al-Muhasibi Dalam Menangani Gejala Sosial Masa Kini*. (Dibentangkan dalam International Conference on World Conference. Bandung Indonesia, pada 14-15 September 2014)70

<sup>11</sup> Globalisasi merupakan fenomena yang menjadikan dunia mengecil dari segi perhubungan manusia disebabkan kepantasan perkembangan teknologi maklumat. Salah satu impak globalisasi ialah pengeksporan budaya dari segi gaya hidup, kepercayaan, cita rasa dan sebagainya daripada Barat. Globalisasi adalah fenomena daripada Barat yang tersebar luas dan akhirnya menghakis keunikan tamadun lainnya secara perlahan. (Lihat Dato'Setia Haji Mohd Tamyas bin Abdul Wahid. *Cabaran Ulama Sebagai Pencetus Kebangkitan Ummah Dalam Mendepani Arus Globalisasi*". Dibentangkan dalam Persidangan Antarabangsa Tokoh Ulama Melayu Nusantara. Selangor. 2015). 2.

<sup>12</sup> Bustanuddin Agus, *Islam dan Globalisasi*. (Johor Baharu : Penerbitan Jahabersa.2011)2

<sup>13</sup> Suhaila binti Abdullah dan Mohd Nizam Saad yang bertajuk "*Usaha Pembangunan Insan Golongan Belia dan Cabaran Semasa*". (Dibentangkan dalam Seminar Pembangunan Insan di Malaysia anjuran Jabatan Dakwah dan Pembangunan Insan, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, 2008)7

<sup>14</sup> Jahid Sidek, *Penyakit-Penyakit Hati: Punca dan Kaedah Rawatan Menurut Prinsip Tasawuf* dalam Seminar Tasawuf Negeri Sembilan 2007 anjuran Negeri Sembilan: Jabatan Mufti Negeri Sembilan (2007)60.

<sup>15</sup> M. Kamal Hassan. *Pembinaan Bangsa Malaysia Yang Berperadaban Tinggi Dalam Sebuah Negara Maju*. Dibentangkan dalam Kongres Menjelang Abad 21: Islam dan Wawasan 2020, Anjuran IKIM, Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC): Kuala Lumpur,. (1992), h. 149-150; Othman al-Habsyi "*Islam dan Pembangunan Ekonomi di Malaysia: Satu Perubahan Paradigma*". Dibentangkan dalam Kongres Menjelang Abad 21: Islam dan Wawasan 2020, Anjuran IKIM, Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) :Kuala Lumpur 1992), Mohd Syukri Salleh, "*Pembangunan Untuk Manusia atau manusia untuk Pembangunan: Analisa Tentang Manusia Dalam Pembangunan Berteraskan Islam*".<sup>19</sup>; Faudzinain Badaruddin, *Pembangunan Ummah: Relevansi Peranan Tasawuf Dalam Konteks Moden*. Dalam *Budaya dan Pemikiran Islam Mesir-Malaysia*. Selangor: Jabatan Usuluddin dan Falsafah UKM, (2006). 140; Mohd Ghani Awang, *Faktor Penghalang Kepada pembangunan Modal Insan di Malaysia*". Dalam *Modal Insan: Konsep, Aplikasi & Isu-isu Kontemporari Dalam Cabaran Pemerkasaan Tamadun Insan*. Ahmad Fazullah Zainal Abidin, Jamal Rizal Razali dan Hasnah Hussiin (ed.). Pahang: Universiti Malaysia Pahang, (2007). 163-166

Kajian bersifat analisis kualitatif deskriptif yang mengaplikasikan kaedah analisis kandungan ini cuba menganalisis pemikiran Abu Nasr al-Sarrāj berhubung adab solat dan puasa yang terkandung dalam perbincangan karya tasawuf beliau iaitu kitab *al-Luma' fī al-Tārīkh al-Tasawwuf al-Islāmī*. Pandangan beliau tentang adab-adab ini kemudiannya akan dianalisis menurut perspektif pembangunan rohani insan.<sup>16</sup> Hakikatnya, Abu Nasr al-Sarrāj telah membincangkan lebih dua puluh adab dalam kitab *al-Luma'*, namun kajian ini hanya akan memfokuskan perbincangan kepada dua adab sahaja iaitu adab solat dan adab puasa memandangkan solat dan puasa adalah suatu ibadah wajib dan tonggak bagi kejayaan dan kecemerlangan umat Islam.

### RIWAYAT HIDUP ABŪ NASR AL-SARRĀJ DAN LATAR BELAKANG KITAB *AL-LUMA' FĪ AL-TĀRĪKH AL-TASAWWUF AL-ISLĀMĪ*

Nama sebenar Abū Nasr al-Sarrāj ialah Abū Nasr 'Abdullah bin Ali bin Muhammad bin Yahya al-Sarrāj al-Tūsi. Beliau dilahirkan di Bandar Tūs Naisabur. <sup>17</sup>Namun tarikh kelahiran beliau tidak dapat ditentukan disebabkan kurang catatan berkaitan ahli keluarga dan zaman awal beliau. Ayahnya, 'Alī bin Muhammad bin Yahya Abū al-Hassan al-Sarrāj al-Tūsi merupakan salah seorang syekh tariqat di kota Tus dan masyhur dengan kezuhudannya. Ayahnya meninggal dunia di Naisabur ketika sedang sujud. <sup>18</sup>Al-Sarrāj meninggal dunia pada bulan Rejab tahun 378H/ Oktober tahun 988M dan dikebumikan di kota Tūs. Beliau hidup pada zaman kerajaan Bani Abbasiah yang pada waktu itu kerajaan Abbasiah sedang menghadapi konflik politik yang besar.<sup>19</sup>

Al-Sarrāj pernah berguru daripada Ibn khafīf al- Syirāzi (w. 371H) <sup>20</sup> seorang syekh tasawuf terkenal dan memiliki ilmu yang sangat mendalam. Guru-gurunya yang lain yang dicatatkan ialah Abū Muhammad al-Khawwās Ja'far bin Muhammad bin Nāsir al-Kuldī (w.348H), <sup>21</sup> Abū Bakar Muhammad Dawūd al-Duqqī (w.360H)<sup>22</sup>, Muhammad 'Abdullah

---

<sup>17</sup> Kharuddīn al-Zirkilī. *Al-A'lām Qāmus Tarājum li 'Asyhar al-Rijāl wa al-Nisā' Min al-'Arāb wa al-Musta'ribīn*, Jilid 3, cet. 2 (Beirut: Dār al-'Ilmī lil Malayīn 1995M) 80, lihat juga. C.E Bosworth, E. Van Donzel, W.P. Heinrichs. *Encyclopaedia of Islam*, Volume IX (Leidin Brill. Netherlend. 1997M) 65-66. Reynold Alleyne Nicolson. *The Kitab Al-Luma' Fī 'L.Tasawwuf*. (London : E.J. Brill Leiden. 1914M) III.halaman Muqaddimah.

<sup>18</sup> Abū al-Falāh al-'Imād al-Ḥambalī. *Syazarāt al-Zahab Fī Akhbār Man Zahaba*, Jilid 3 (Kāherah: Maktabah al-Qudsi 1350M) 91, lihat juga Azyumardi Azra. *Ensiklopaedia Tasawuf*, Jilid 3, cet.1 ( Jakarta : Penerbit Angkasa. 2008M) 1014

<sup>19</sup> Abū Nasr 'Abdullah 'Ali al-Sarrāj al-Tūsi. *Kitab al-Luma' Fī tārīkh al-Tasawwuf al-Islāmī. Tahqiq oleh Kamīl Mustafa al-Hindāwī* (Beirut: Dār Kutub al-'ILmiyyah 2007) 5

<sup>20</sup> Beliau ialah Abū 'Abdullah Muhammad bin Khafīf al-Shirāzī. Dilahirkan pada tahun 272H- 371H. Bersahabat dengan Ruwaim, Al-Jarīrī, Ahmad bin Ata' dan lain-lain lagi. Merupakan salah seorang syekh terkemuka pada zamannya. Lihat Abī al-Qasīm 'Abdul Karīm bin Hawāzin al-Qushayrī al-Nisaburī. *Al-Risālah al-Qushayriyyah fī 'Ilmi al-Tasawuf*, Tahqiq Ma'ruf Zariq dan 'Ali 'Abdul Ḥamīd Baltojī. (Beirut: Dār al-Jil .t.t. ) 420, Sirajuddīn Abū Hafs 'Umar bin Ali bin Ahmad bin Ahmad al-Misriy Ibn Malqān. *Tabaqāt al-Awliya'*. Tahqiq Nuruddin Syaribah (Kaherah: Maktabah Khanji 1973) 390.

<sup>21</sup> Beliau ialah Abū Muhammad Ja'far bin Muhammad bin Nāsir al-Khuldī al-Baghdādī. Bersahabat dengan Shaykh al-Nūri, Samnūn, Ruwaym dan ramai lagi. Merupakan salah seorang pemimpin dalam tasawuf. Menunaikan haji sebanyak 60 kali. Meninggal dunia pada tahun 348H dan dikebumikan di sisi pusara Sarri Saqatī dan Junayd al-Baghdādī. Lihat Ibn Malqān .*Ibid.* h. 170 lihat juga Muhammad bin Hussain bin Muhammad bin Mūsa bin Khalid bin Salīm Abdul Rahman al-Sulami. *Tabaqāt al-Sufiyyah*. cet. 4 (Kāherah: Maktabah al-Khanji 2014M) 434, Abu Nu'aym Aḥmad bin 'Abdullah al-Asfahānī. *Ḥilyah al-Awliya' Wa Tabaqāt al-Asfiya'*, Jilid 10. (Beirut : Dār al-Kutub al'Ilmiyyah t.t) 381

<sup>22</sup> Beliau ialah Muhammad bin Dawūd al-Dinūrī Abū Bakar al-Duqqī. Beliau mempelajari al-Quran daripada Ibn Mujahid. Berguru dengan 'Abdullah bin al-Jala', Abū Bakar al- Zaqāq dan sahabat karib 'Ali Al-Ruzbari. Wafat pada tahun 360H. Lihat Tabaqāt al-Awliya', Ibn Malqān. h. 306, lihat juga

bin Muhammad al-Murta'isyh<sup>23</sup> yang dikatakan berasal dari Naisabur daerah Hirah dan Ahmad bin Muhammad ibn Salim al-Sa'ih (w. 356H/967M),<sup>24</sup> ketua pemimpin perguruan Salimiyyah. Shaykh-shaykh ini menjadi sumber rujukannya dalam menyempurnakan penulisannya tentang ilmu, kitab, hikayat dan perjalanan hidup golongan dan ulama sufi.<sup>25</sup>

Kesungguhan al-Sarrāj dalam mengembangkan Islam dan beramal dengannya akhirnya telah berjaya melahirkan murid-murid yang hebat. Murid-murid al-Sarrāj yang dicatatkan ialah Abu Abd al-Rahman al-Sulamī (w. 412H), penulis kitab *Tabaqāt al-Sufiyyah*<sup>26</sup>, Abu al-Faḍl al-Sarākh yang kemudiannya menjadi guru kepada ulama sufi ulung iaitu Abū Sa'īd Ibn Abī al-Khayr (w. 440H). Abū al-Qasīm 'Abdul Rahman bin Muhammad al-Sarrāj al-Qursy al-Nisaburī al-Faqīh (418H) merupakan antara ulama yang masyhur. Abu Sa'īd Muhammad bin 'Ali al-Niqasy al-Asbahāni al-Hambalī (414H) adalah seorang ulama yang thiqah dan soleh, seorang yang hafal al-Qur'an, sering mengembara dan menulis kitab.<sup>27</sup>

Al-Sarrāj memiliki sosok peribadi yang mulia, tawaduk, amanah dan warak. Cara beliau mengarang kitab *al-Luma'* menggambarkan beliau adalah seorang yang memiliki iman yang teguh serta sangat bertawakkal dengan takdir Allah SWT. Tidak ada dalam penulisannya ayat-ayat yang keras dan kasar meskipun terhadap golongan ahli bidaah. Seterusnya beliau juga memiliki akal yang cerdas dan bijak, mempelajari ilmu agama dan menghayatinya, istiqamah atas jalan tasawuf, seorang ahli zuhud yang ikhlas, mahir dalam menyusun ayat, mempersembahkan tulisannya dengan rohani yang tulus sehingga perkataannya dapat memberi manfaat dan pengaruh yang kuat kepada mereka yang membaca tulisannya.<sup>28</sup>

Manakala kitab *al-Luma'* merupakan antara karya tasawuf paling awal yang menjelaskan tasawuf sebagai jalan hidup dan kajian pemikiran. Karya al-Sarrāj ini menjadi model kepada karya-karya tasawuf yang muncul kemudiannya seperti kitab *Tabaqāt al-Sufiyyah* oleh 'Abd al-Rahman al-Sulamī dan kitab *al-Ta'aruf li Madhhab*

---

Syihabuddīn bin Faḍlillah al-'Umari. *Masālik al-Absār Fī Mamālik al-Amsār*, tahqiq Prof Dr 'Amir al-Najjār. (Kaherah: Maktabah al-Thaqāfah al-Dīniyyah. 2009). 145, Al-Sulamī, *Tabaqāt al-Sufiyyah*, h. 448-450

<sup>23</sup> Beliau ialah Abū Muhammad 'Abdullah bin Muhammad al-Murtai'syh. Berasal dari daerah Hirah. Sahabat rapat Abū Hafṣ al-Haddād dan Abū Uthman. Menetap di masjid Syazuniyyah Baghdād sehingga masyhur sebagai salah seorang pemimpin di Iraq. Meninggal dunia di Baghdad pada tahun 329H. lihat al-Qushayri, *al-Risālah al-Qushayriyyah*, h. 431, lihat juga Al-Sulamī, *Tabaqāt al-Sufiyyah*, h. 349, al-Asfahāni, *Hilyah al-Awliyā'* jilid 10, h. 355

<sup>24</sup> Beliau ialah Ahmad bin Muhammad al al-Salim Sa'ih. Rujuk Ibn Maḳān. *Tabaqāt al-Awliyā'*, h. 337.

<sup>25</sup> Syamsuddin bin Muhammad Ahmad bin Uthman al-Zahabī. *Tārīkh al-Islam Wa wafayāt al-Masyāhir wa al-'A'lām* (Beirut: Dār al-Kitab al-'Arabi 1990M), lihat juga Abū Naṣr bin 'Abdullah bin Ali Al Sarrāj al-Tūsi, *al-Luma' Fī Tārīkh al-Tasawuuf al-Islamī*, tahqiq kamal Mustafa al-Handrawi, (Beirut : Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah 2007M) 3, Abū Naṣr bin 'Abdullah bin Ali Al Sarrāj al-Tūsi. *Al-Luma'*, Tahqiq Mohd Adib al-Jadir. *al-Luma'* (Kaherah: Dār al-Fatah. 2016) 20

<sup>26</sup> Beliau ialah Muhammad bin Hussain bin Musa Abū 'Abdul Rahman al-Nisaburī al-Sulamī penulis kitab *Tabaqāt al-Sufiyyah*. Beliau banyak menulis kitab tentang hadith, tafsir dan sejarah ahli sufi. Lihat Al-Sulamī, *Tabaqāt al-Sufiyyah*, h. 16-20, Ibn Maḳān, *Tabaqāt al-Awliyā'*. h. 313-314, Ibn Kathir. *al-Bidāyah wa al-Nihāyah*, jilid 12, h. 12, Abū Muhammad bin 'Abdullah bin As'ad al-Yafī'i. *Mirātul Jinān Wa 'Ibārat al-Yaqazan* (Beirut: Muassasah al-'Alami li al-Matbu'ah. 1970M) 2: 397, Abū Hassan 'Ali bin Abi al- Karīm Muhammad bin Muhammad 'Abdul Karim bin 'Abdul Wahid al-Syaibāni Ibn Athīr. *Al-Kāmil fī al-Tārīkh*. Jilid 2 (Beirut: Dār al-Kutub 1987m) 230.

<sup>27</sup> Mohd Adīb al-Jādir, *al-Luma'*, h. 30, lihat juga *Ensiklopaedia Tasawuf*, Jilid 3, cet.1 (Jakarta : Penerbit Angkasa Bandung. 2008 )143

<sup>28</sup> Mohd Adīb al-Jadir, *al-Luma'*, h.76

*Ahl al-Tasawwuf* oleh al-Kalabadhi dan ramai lagi.<sup>29</sup> Karya *al-Luma'* banyak menyentuh persoalan kedudukan dan kepentingan ilmu tasawuf sebagai salah satu cabang keilmuan Islam yang penting, mengupas persoalan hati dan jalan untuk membangunkan jiwa atau rohani manusia, adab-adab dalam ibadah dan muamalah yang dikenali sebagai adab sufi serta kedudukan tasawuf dalam neraca al-Quran dan hadith. Perbincangan yang diutarakan oleh beliau dilihat sejajar dan seiring dengan perbincangan tokoh-tokoh tasawuf lain yang membincangkan aspek spiritual atau kerohanian insan dalam tulisan mereka.

## PENGERTIAN ADAB DAN HUBUNGANNYA DENGAN PEMBANGUNAN ROHANI

Menurut *Kamus Dewan*, adab bermaksud tingkah laku serta tutur kata yang halus (sopan), budi bahasa, budi pekerti yang halus, cara seseorang itu berkelakuan dalam sesuatu situasi tertentu<sup>30</sup> Abu Nasr al-Sarrāj memulakan perbicaraan tentang adab dengan menjelaskan keutamaan dan kepentingan adab di dalam Islam. Menurut pandangan beliau, orang mukmin hendaklah mendidik ahli keluarga mereka sebagaimana yang diperintahkan oleh Allah SWT di dalam al-Quran dan Nabi SAW di dalam hadith Baginda. Pendidikan adab ini kelak akan menyelamatkan mereka daripada azab api neraka. Beliau membawakan dalil daripada ayat-ayat al-Quran yang diperkuat dan diperjelaskan dengan hadith Nabi SAW, antaranya firman Allah yang bermaksud: “*Hai orang-orang yang beriman, lindungilah dirimu dan keluargamu dari api neraka.*”<sup>31</sup> Kemudiannya diikuti dengan penerangan daripada riwayat Ibn `Abbas, “*Didiklah dan ajari mereka. Dan dengan demikian bererti engkau telah melindungi mereka dari api neraka.*”<sup>32</sup>

Menyempurnakan adab merupakan tujuan perutusan Baginda Nabi SAW. Al-Sarrāj menyatakan bahawa Allah telah menyempurnakan pendidikan adab dan akhlak Baginda SAW sehingga Baginda mampu menjadi contoh teladan ummah. Malahan Baginda sendiri sangat mengambil berat pendidikan adab anak-anak. Penjelasan al-Sarrāj ini adalah berdasarkan hadith yang diriwayatkan daripada Nabi SAW yang berbunyi: “*مَا نَحَلُّ وَالِدٌ مِنْ نَحْلٍ، أَفْضَلُ مِنْ أَدَبٍ حَسَنٍ*.” yang bermaksud: “*Tidak ada pemberian orang tua kepada anaknya yang lebih utama dari adab (kesopanan).*”<sup>33</sup> Baginda SAW juga bersabda yang bermaksud: “*Sesungguhnya Allah telah membina adab (akhlak) ku, kemudian Dia membinanya dengan sangat baik.*”<sup>34</sup>

Dalam menjelaskan lagi makna dan pengertian adab serta keutamaannya, al-Sarrāj turut menukulkan beberapa pandangan ulama sufi. Pertamanya, pandangan daripada Ibn Sirin yang diriwayatkan daripada Muhammad bin Sunni, bahawa beliau pernah ditanya, “Kesopanan (adab) manakah yang paling dekat dengan Allah dan lebih suci bagi hamba di sisiNya?” Ibn Sirin menjawab, “Mengetahui RububiyyahNya, melakukan ketaatan,

<sup>29</sup> Michael A. Sells. *Sufisme Klasik*, D. Slamet Riyadhi (Terj.). (Bandung: Media Transformasi, 2003)308, 39. Basir Jalati, *Haqiqat al-Tasawwuf Bayna al-Ta'sil Wa al-Ta'thīr*. (Lubnan: Dar al-Kutub al-`Ilmiyyah, 1998)29, lihat juga ‘Abdul Qādir Ahmad ‘*Āta al-Tasawwuf al-Islāmī Baina al-Aṣālāh Wa al-Iqtibas Fī Aṣr al-Nabli*(Beirut : Dar al-Jamil, 1987)185

<sup>30</sup> Noresah Baharum. *Dewan Edisi Ketiga*, ( Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2002), 6

<sup>31</sup> Surah al-Tahrīm: ayat 6

<sup>32</sup> Abu Nasr al-Sarrāj, *al-Luma'*, h. 152

<sup>33</sup> Imam al-Tirmizi. *Sunan al-Tirmizi*.

<sup>34</sup> Abu ‘Isa Muhammad Ibn Isa al-Sulami al-Darir al-Bughi al-Tirmidhi, *Sunan al-Tirmidhi*, ed. Muhammad Nasr al-Din al-Albani, Jil. 2, (al-Riyadh: Maktabah al-Maarif li al-Nashr wa al-Tawzi’, 1998), 185

sentiasa bersyukur dan memuji Allah atas segala nikmatNya dan bersabar atas kesusahan yang menimpa.”<sup>35</sup>

Daripada pandangan al-Sarrāj di atas, dapat dirumuskan bahawa beliau sangat memberi perhatian tentang soal adab sejajar dengan tuntutan al-Quran dan Hadith. Ternyata seorang muslim yang memiliki adab yang sempurna akan mampu menjadi muslim sejati yang dekat dengan Allah SWT dan mampu mencapai kesempurnaan iman.

Pada pandangannya yang lebih khusus, al-Sarrāj menegaskan bahawa kaum sufi memperincikan adab dalam hampir setiap perjalanan mereka menuju Allah SWT. Mereka memiliki ciri-ciri khusus yang tidak dimiliki oleh orang lain dan mereka mudah dikenali. Dengan adab ini pula, akan dapat dibezakan antara orang-orang yang jujur dengan mereka yang berdusta, antara mereka yang sekadar mengaku sebagai sufi daripada golongan sufi sejati.<sup>36</sup> Hal ini sangat penting diketahui memandangkan antara cabaran yang dihadapi oleh dunia tasawuf semenjak dahulu sehingga sekarang ialah mengenai tuduhan sesat dan penyelewengan yang tidak berasas yang disasarkan kepada golongan tasawuf. Munculnya golongan sufi palsu telah menjadi barah yang telah merosakkan kepercayaan masyarakat tentang kebenaran sufi sejati sedangkan sufi sejati telah memberikan sumbangan yang besar dalam penyebaran dakwah dan pembangunan rohani insan sepanjang zaman.<sup>37</sup>

Keberadaan tasawuf dan sufi dalam aspek pembangunan rohani insan adalah amat sejajar dengan pengajaran Islam yang sangat mementingkan soal adab dan akhlak kerana ia merupakan salah satu aspek penting yang perlu dibangunkan dalam usaha membangunkan insan.

Daripada huraian di atas dapatlah dirumuskan bahawa adab dan sufi sangat berkaitan dan tidak dapat dipisahkan kerana sufi sejati sangat mementingkan adab dan akhlak sama ada dalam hubungan dengan Allah, sesama manusia dan alam sekeliling. Ini kerana golongan sufi adalah golongan yang sangat cintakan Allah. Mereka sangat memahami bahawa penghayatan mereka terhadap adab akan menentukan sejauhmanakah hubungan dan kehampiran mereka kepada Allah SWT.

### ADAB ŞOLAT MENURUT AL-SARRAJ:

#### ANALISIS DARI ASPEK PEMBANGUNAN ROHANI INSAN

Al-Sarrāj berpendapat bahawa adab pertama dalam menunaikan şolat adalah mempunyai ilmu dan pengetahuan tentang kewajipan dan kelebihannya dalam syariat Islam.<sup>38</sup> Menurut beliau lagi, şolat merupakan tiang agama, penyejuk hati kaum ‘*ārif*, hiasan orang-orang yang jujur (*siddīqūn*) dan mahkota golongan *muqarrabūn*. şolat merupakan suatu bentuk komunikasi, kedekatan, kewibawaan, kekhusyukan, rasa takut, pengagungan, penghormatan, *mushāhadah*, *murāqabah*, rahsia-rahsia hati, rmonajat kepada Allah, berdiri di hadapan-Nya, menghadap Allah dan berpaling daripada selain Allah SWT.

Selain itu, beliau mengingatkan adab pertama ketika hendak menunaikan solat ialah bersiap sedia untuk melakukan solat sebelum masuk waktu agar dapat menunaikannya di

<sup>35</sup> Abū Nasr al-Sarrāj, *al-Luma'*, h. 153

<sup>36</sup> Abu Nasr al-Sarrāj, *al-Luma'*, h. 155

<sup>37</sup> Antara buku yang membincangkan fenomena ini ialah Muhammad al-Ghazālī, *Tujuan Hidup Para Sufi*. (Kuala Lumpur: Pustaka Ilmi, 1996), 'Abdul Qadir 'Isa, *Haqaiq 'an al-Tasawwuf*, (Kaherah: Dar al-Maqtam, 2013) 33-37, Mamduh al-Zarubi, *al-Turuq al-Sufiyyah Zuruf al-Nash'ah wa Tabi 'ah al-Dur*, cet. 1, (Syria : Dar al 'ilmu 2004) 111-149, Sulaiman Yasin, *Mengenal Ilmu Tasawuf*. (Selangor: Penerbit al-Rahmaniyyah, 1984).

<sup>38</sup> Abu Nasr al-Sarraaj. *al-Luma'*. h,160

awal waktu sebagaimana tuntutan agama. Setelah masuk waktu ṣolat, maka mereka hendaklah pula menjaga takbiratul ihram yang diikuti dengan niat, di mana niat tidak boleh mendahului takbirnya, sepertimana takbir juga tidak boleh mendahului niatnya. Kedua-duanya harus serentak bersama. Al-Sarrāj mengemukakan pandangan al-Junayd r.h. dan Abu Sa'id al-Kharraz ketika menerangkan keutamaan takbiratul ihram iaitu, "al-Junayd mengatakan, *"Segala sesuatu ada yang dipilih, sementara yang dipilih dari solat adalah takbir pertamanya."* Dalam konteks ini, al-Sarrāj menjelaskan maksud al-Junayd bahawa takbir pertama itu hendaklah bersamaan dengan niat, di mana ṣolat tidak akan sah tanpa niat. Ini merupakan perjanjian hamba dengan Allah SWT yang menyatakan bahawa solat seseorang dilakukan hanya kerana Allah SWT. Apabila perjanjian pertama itu sah, maka semua penyakit batin yang berusaha masuk ke dalam ṣolat seseorang tidak akan dapat merosakkan ibadah ṣolatnya.<sup>39</sup>

Kemudian al-Sarrāj menjelaskan adab setelah memulai ṣolat iaitu membuang segala sesuatu dari fikirannya selain Allah dan merasakan bahawa dia sedang berada di 'hadapan'-Nya. Beliau memetik peringatan daripada Abu Sa'īd al-Kharraz yang menjelaskan, "Jika kamu mengangkat tangan untuk bertakbir, hendaknya yang wujud dalam hati kamu hanyalah kebesaran Allah SWT sahaja. Dan apabila kamu sedang bertakbir hendaknya tidak ada sesuatu di hadapan kamu yang lebih besar daripada Allah SWT sehingga kamu melupakan dunia dan akhirat kerana tenggelam dalam Kebesaran-Nya." Bagi menjelaskan lagi hal ini, al-Sarrāj selanjutnya mengemukakan kata-kata Abu Sa'īd al-Kharraz yang pernah ditanya, "Bagaimana cara terbaik memasuki solat?" Al-Kharraz menjawab, "Kamu hendaklah menghadap Allah sepertimana kamu menghadap-Nya pada saat hari kiamat. Kamu berada di hadapan Allah dalam keadaan kamu bermunajat dengan-Nya. Kamu harus tahu, di depan siapa kamu sedang berdiri saat itu. Sesungguhnya Dia adalah Maha memerintah lagi Maha Agung." Kata-kata al-Kharraz ini dijelaskan oleh al-Sarrāj sebagai menunjukkan bahawa sekiranya hati seseorang yang bersolat masih lagi diganggu dengan urusan-urusan selain Allah, maka ia adalah satu petanda bahawa dia belum lagi menunaikan ṣolatnya dengan tulus ikhlas kepada Allah.

Selanjutnya al-Sarrāj mengingatkan bahawa adab seterusnya ialah berkenaan bacaan dan setiap atur cara ṣolat bermula daripada bacaan surah, rukuk, iktidal, sujud, duduk antara dua sujud, tahiyyat dan sebagainya. Pada pandangannya, adab yang perlu dihayati ialah *mushāhadah* (menyaksikan) dengan pendengaran hatinya seolah-olah dia mendengar bacaan-bacaan dalam ṣolat tersebut secara langsung daripada Allah atau seakan-akan dia sedang membacakan al-Quran di hadapan Allah.<sup>40</sup> Dalam hal ini, al-Sarrāj menekankan bahawa memahami makna firmanNya daripada setiap ayat yang dibaca amat berkesan dalam membina diri agar menjadi insan ṣaleh dan berakhlak mulia.

Al-Sarrāj mengemukakan pandangan daripada beberapa ahli sufi dalam memperincikan perkara ini. Abu Sa'īd al-Kharraz telah berkata: *"Jika seorang hamba rukuk, maka hendaklah dia benar-benar meluruskan anggota tubuhnya, dengan mendekat dan merendah sehingga tidak ada satu ruas sendipun yang tidak lurus mengarah kepada 'Arasy. Kemudian dia hendaklah mengagungkan Allah sehingga dalam hatinya tidak ada sesuatupun yang lebih agung daripada-Nya, sebaliknya dia merasakan dirinya terlalu kecil, malah lebih kecil daripada debu yang berterbangan"*.<sup>41</sup> Apabila seseorang itu mengangkat kepalanya bangun daripada rukuk sambil memuji Allah, maka al-Sarrāj menyarankan supaya disemat dalam hati dan fikirannya, bahawa dia tahu dan sedar Allah

<sup>39</sup> Abu Nasr al-Sarraj. *al-Luma'*. h.161

<sup>40</sup> Abu Nasr al-Sarraj. *al-Luma'*. h.163

<sup>41</sup> Abu Nasr al-Sarraj. *al-Luma'*. h.162

sedang mendengar pujiannya.<sup>42</sup> Ketika sedang sujud pula, al-Sarrāj mengingatkan bahawa hati seseorang itu tidak boleh ada sesuatu selain daripada Allah kerana kedudukan seorang hamba akan menjadi lebih dekat dengan Tuhannya apabila dia sedang bersujud. Oleh yang demikian, dia wajib menyucikan Allah daripada segala bentuk penyengutuan dan persamaan. Pada ketika itu, hatinya perlu menumpukan kepada keagungan dan kemuliaan Allah dan meyakini bahawa tidak ada yang lebih agung dan mulia berbanding Allah SWT. Adab yang sama juga pada pandangan al-Sarrāj perlu dihayati ketika sedang melakukan tasyahud, berdoa dan salam.<sup>43</sup>

Kemudian beliau menjelaskan lagi, antara adab lain di dalam ṣolat ialah kehadiran hati tanpa kelalaian, kesaksian akal di sisi al-Wahhāb, kekhushyukan hati tanpa ada keraguan dan tunduknya anggota badan mengadap hadhirat Allah dengan penuh keikhlasan.<sup>44</sup> Pendapat al-Sarrāj tentang kepentingan menghadirkan hati atau khusyuk dalam ṣolat sehingga ṣolat itu diterima Allah dan mendatangkan kebaikan sejajar dengan pendapat ulama-ulama yang masyhur antaranya al-Ghazālī.

Al-Ghazālī menyebut bahawa terdapat enam perkara yang perlu dipelihara bagi mendapatkan ṣolat yang khusyuk<sup>45</sup> iaitu kehadiran hati, *tafahhum*, *ta`īm*, *haybah*, *rajā`* dan *hayā`*. Daripada keterangan di atas, dapat disimpulkan al-Sarrāj telah menjelaskan betapa setiap anggota zahir ṣolat mempunyai hubungan yang kuat dengan aspek batin ṣolat itu sendiri sehingga akhirnya ṣolat itu mendatangkan impak yang positif kepada rohani pelaksananya<sup>46</sup>. Inilah tujuan utama pelaksanaan ibadah ṣolat kerana ṣolat merupakan salah satu ibadah paling penting dalam Islam.

Di dalam Islam, ṣolat merupakan salah satu rukun Islam. Solat merupakan tonggak utama agama Islam. Ini berdasarkan kepada hadith daripada Rasulullah SAW yang bermaksud:

بُنِيَ الْإِسْلَامُ عَلَى خَمْسٍ: شَهَادَةِ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَأَنَّ مُحَمَّدًا رَسُولُ اللَّهِ، وَإِقَامَةِ الصَّلَاةِ، وَإِيتَاءِ الزَّكَاةِ، وَالْحَجِّ، وَصَوْمِ رَمَضَانَ

Terjemahan:

*“Islam didirikan di atas lima perkara; Penyaksian bahawa tiada tuhan yang disembah selain Allah dan Muhammad itu hamba dan utusan-Nya, mendirikan solat, mengeluarkan zakat, berpuasa di bulan Ramadhan dan mengerjakan haji”.*<sup>47</sup>

<sup>42</sup> Abu Nasr al-Sarraj. *al-Luma`*. h.162

<sup>43</sup> Abu Nasr al-Sarraj. *al-Luma`*. h.163

<sup>44</sup> Abu Nasr al-Sarraj. *al-Luma`*. h.163

<sup>45</sup> Imam al-Ghazali dalam karyanya menjelaskan Allah sentiasa mengawasi batin dan melihat kepada hati hamba-Nya ketika bersolat. Allah hanya menerima solat hamba sesuai dengan kadar kekhushyukan, ketundukan dan tawāḍuk mereka. (Abu Hāmid al-Ghazālī, *Bidāyah al-Hidāyah*. Dalam Majmu`ah Rasail al-Imam al-Ghazali, Beirut: Dar al-Fikr.2010) 382

<sup>46</sup> Ibn Abdullah al Naqsyabandi menyatakan bahawa aspek batin dalam solat ialah bersih rohani daripada syirik, Qasad sembahyang semata-mata kerana Allah, ingatan berterusan kepada Allah sepanjang solat manakala aspek zahir solat adalah seperti takbir, bacaan al-Fatihah, rukuk, sujud dan sebagainya( lihat Ibn Abdullah al Naqsyabandi, *Mencapai Makrifat (Satu Pendekatan)* (Kuala Lumpur : al-Hidayah Publisher, 2005), 202 & 203.

<sup>47</sup> Hadith Riwayat Bukhari, Kitab Bad I al-Wahy, Bab Du`aukum Imanukum, No Hadith 8 Lihat Abu `Abd Allah Muhammad bin Ismail al-Bukhari, *Sahih Bukhari*, ed. Muhammad Fuad `Abd al-Baqi, Albani, (al-Qahirah: Dar ibn al-Haytham, 2004), 543

Antara tujuan dan kepentingan ṣolat sebagaimana yang digariskan Islam ialah:

- (a) Untuk mewujudkan hubungan yang akrab antara seorang hamba dan *Khaliqnya* sebagai tanda pengakuan atau ikrar kehambaan serta kerendahan diri seorang hamba kepada Tuhannya.
- (b) Untuk menzahirkan rasa kesyukuran diatas pelbagai nikmat dan rahmat yang dikurniakan Allah.
- (c) Untuk menyampaikan pelbagai maksud dan hajat yang terpendam di hati seorang hamba serta memohon pertimbangan belas kasihan daripada Allah.
- (d) Untuk menghindarkan diri daripada segala bentuk murka, bala bencana dan ancaman dunia dan akhirat.<sup>48</sup>

Dinilai dari aspek pembangunan rohani, ṣolat adalah platform paling tepat dan sesuai seorang hamba berkomunikasi dengan penciptanya. Solat yang khusyuk dan sempurna ekoran pemeliharaan akan adab-adabnya kelak akan menjadikan seorang hamba mampu mencapai matlamat dan tujuan ṣolat. Natiujahnya, ṣolat mampu melahirkan insan yang bertaqwa, beriman, memiliki hati yang bersih, tawaduk, mengakui kebesaran dan kekuasaan Allah dan suci jiwanya daripada nifak dan syirik. Solat juga berperanan mengikis segala sifat keji seperti sombong, riya', hasad dengki dan sifat tidak bertimbang rasa. Ibn 'Atā' Allah al-Sakandarī berkata dalam kalam hikmahnya yang ke-118 sebagai berikut: "*Solat mensucikan hati manusia daripada segala kekotoran dosa dan membukakan baginya segala pintu yang ghaib*".<sup>49</sup>

Justru, ṣolat yang sempurna ini akan menjadi penghalang kepada perlakuan dosa dan maksiat sebagaimana maksud ayat al-Quran: "*Sesungguhnya solat mencegah daripada perbuatan keji dan mungkar*".<sup>50</sup> Inilah insan yang diperlukan dalam membangunkan ummah sejagat dan membimbing ummah kepada kebahagiaan dan kesejahteraan dunia dan akhirat.

## ADAB PUASA

### ANALISIS MENURUT PEMBANGUNAN ROHANI MENURUT AL-SARRĀJ

Dalam memberi penjelasan tentang adab melaksanakan ibadah puasa, al-Sarrāj terlebih dahulu mengemukakan beberapa hadith yang menyebut tentang keutamaan berpuasa antaranya al-Sarrāj berkata: Diriwayatkan bahawa Allah s.w.t berfirman dalam satu hadith qudsiNya yang bermaksud:-

*"Puasa adalah untukKu dan Akulah yang akan membalasnya."*<sup>51</sup>

Sekiranya wujud persoalan, "Apa makna kekhususan puasa dari ibadah-ibadah yang lain sedangkan kita mengetahui bahawa seluruh amal adalah untukNya dan Dia yang bakal membalasnya. Apa makna hadis qudsi yang berbunyi 'Puasa adalah untuk-Ku dan Akulah yang akan membalasnya?'

Al-Sarrāj menjelaskan maksud hadith tersebut dengan menyatakan bahawa hadith tersebut mempunyai dua pengertian: Pertama, bahawa puasa memiliki keistimewaan

<sup>48</sup> Seman bin Haji Jaafar, *Pengetahuan Wajib Setiap Muslim* (Selangor: al -Hidayah Publication, 2012) 88.

<sup>49</sup> K.H. Muhibbuddin al-Waly, *Hakikat Hikmah-Tauhid dan Tasawuf (al-Hikam)*, (Singapura: Pustaka Nasional Pte Ltd, 2000) , 88.

<sup>50</sup> Surah al-Ankabut : ayat 45

<sup>51</sup> HR. Bukhari-Muslim dari Abu Hurairah, Malik, Abu Dawud, Tirmidzi dan Nasa'I (bab Puasa 1904. Imam Malik al- Muwatta' bil. 310.

berbanding ibadah- ibadah fardu yang lain. Ibadah-ibadah fardu yang lain merupakan gerakan anggota badan yang boleh dilihat orang lain sedangkan puasa tidak demikian, kerana puasa bukanlah ibadah gerakan badan. Oleh sebab itu, Allah s.w.t. berfirman dalam hadith QudsiNya:

قال الله عز وجل: كُلُّ عَمَلٍ آدَمَ لَهُ إِلَّا الصِّيَامَ فَإِنَّهُ لِي وَأَنَا أَجْزِي بِهِ، وَالصِّيَامُ جُنَّةٌ، وَإِذَا كَانَ يَوْمُ صَوْمِ أَحَدِكُمْ فَلَا يَرَفْتُ وَلَا يَصْحَبُ.

Terjemahan:

*“Puasa itu adalah untuk-Ku.” FirmanNya “untuk-Ku” memiliki maksud al-Ṣamadiyyah yang bermaksud keagungan dan keabadian itu hanya milikKu. Sebab al-Ṣamad adalah zat yang tidak memiliki rongga perut dan tidak perlu makan dan minum. “Maka sesiapa berperilaku dengan akhlak-Ku, maka Akulah yang bakal membalasnya dengan balasan yang tidak pernah terdetik dalam benak manusia.”<sup>52</sup>*

Adapun makna firmanNya, “Dan Akulah yang akan membalasnya,” maka sesungguhnya Allah s.w.t. telah menjanjikan pahala untuk setiap perbuatan baik dengan jumlah dari satu hingga sepuluh kali gandanya, dan dari sepuluh hingga tujuh ratus kecuali bagi orang-orang yang berpuasa di mana mereka adalah yang masuk dalam golongan orang-orang yang sabar. Hal ini menurut al-Sarraj sejajar dengan firmanNya:-

إِنَّمَا يُوفَّى الصَّابِرُونَ أَجْرَهُمْ بِغَيْرِ حِسَابٍ ( ١٠ )

Terjemahan:

*“Sesungguhnya orang-orang yang bersabarlah sahaja yang akan disempurnakan pahala mereka dengan tidak terkira.”*

[Surah al-Zumar: 10]

Ibadah puasa memiliki ganjaran yang tidak terbatas dan tertentu sebagaimana ibadah-ibadah lain. Ini disebabkan puasa adalah kesabaran jiwa untuk tidak melakukan apa yang menjadi kebiasaannya dan mengekang anggota badan daripada segala kesukaannya. Sebab itulah orang-orang yang berpuasa dianggap tergolong dalam kalangan orang-orang yang sabar.

Pengertian di atas sama maknanya dengan maksud hadith yang diriwayatkan daripada Nabi SAW yang berbunyi:-

وَالصِّيَامُ جُنَّةٌ، وَإِذَا كَانَ يَوْمُ صَوْمِ أَحَدِكُمْ فَلَا يَرَفْتُ وَلَا يَصْحَبُ.

Terjemahan:

<sup>52</sup> Al-Sarraj. *Al-Luma' Fi Tarikh al-Tasawwuf al-Islami*, h. 170

*“Sesungguhnya puasa itu adalah benteng. Maka jika engkau berpuasa maka hendaknya pendengaranmu, penglihatanmu, lisan dan tanganmu juga ikut berpuasa.”<sup>53</sup>*

Menurut al-Sarrāj, sahnya puasa dan baiknya adab seseorang dalam berpuasa bergantung kepada sejauhmana benarnya tujuan dan niat seseorang, sejauhmana usahanya menghindari tuntutan nafsu syahwatnya, menjaga anggota badannya, menjaga hatinya, sentiasa mengingati Allah, tidak memikirkan rezeki yang telah dijamin oleh Allah, tidak melihat puasa yang dia lakukan, takut atas tindakannya yang ceroboh dan memohon bantuan kepada Allah agar mampu menunaikan puasanya. Maka inilah hakikatnya adab orang yang berpuasa.

Pandangan al-Sarrāj ini senada dengan pandangan tokoh tasawuf terkemuka seperti ‘Abdul al-Qādir al-Jīlani yang menjelaskan bahawa puasa ahli tarekat hakikatnya mampu menahan diri daripada perkara-perkara haram dan maksiat. Menyucikan hati daripada sifat-sifat hati yang keji seperti sifat ‘ujub, takbur, bakhil dan sebagainya. Sifat-sifat ini akan membatalkan puasa jika dipandang dari aspek tarekat.<sup>54</sup> Begitu juga Umar al-Suhrawardi dalam kitabnya *‘Awārif al-Ma‘ārif*<sup>55</sup>.

Al-Ghazālī dalam kitabnya *Ayyuha al-Walad* menyatakan bahawa sesungguhnya amalan puasa berupaya mengekang nafsu syahwat. Puasa itu menundukkan jiwa, membersihkan hati, meringankan anggota badan, menanamkan simpati dan ihsan kepada golongan miskin, memupuk sifat syukur atas segala nikmat Allah dan meringankan hisab.<sup>56</sup> Menurut al-Suhrawardi walaupun secara lahirnya lapar adalah penderitaan jasad namun hakikatnya lapar mencerahkan hati dan menyucikan jiwa seterusnya membimbing ruh hampir kepada Allah Taala.<sup>57</sup> Maka di sini benarlah sabda Nabi SAW yang bermaksud: “Seandainya syaitan-syaitan tidak berkeliaran di hati anak Adam nescaya mereka akan dapat melihat kerajaan langit.”<sup>58</sup> Manakala Sa‘īd Hāwwā menghuraikan syarat-syarat batin puasa bagi mencapai kesempurnaannya dengan lebih terperinci seperti berikut:-

- a) Menundukkan pandangan dan menahannya daripada berkeliaran memandang setiap hal yang tercela.
- b) Menjaga lisan daripada perbualan dusta, ghibah, celaan, kekejian, perkataan kasar, pertengkaran dan perdebatan. Lisan hendaklah digantikan dengan diam, menyibukkannya dengan dzikrullah dan tilawah al-Qur’an.
- c) Menahan pendengaran daripada mendengarkan setiap hal yang dibenci kerana setiap yang diharamkan perkataannya diharamkan mendengarnya.
- d) Menahan berbagai anggota badan lainnya daripada pelbagai dosa antaranya<sup>59</sup>

Dalam menjelaskan perjalanan hidup orang-orang soleh dalam melaksanakan ibadah puasa, al-Sarrāj mengemukakan beberapa kisah antaranya diriwayatkan daripada Sahl bin

<sup>53</sup> Hadith Riwayat al-Bukhari, Kitab al-Imān, Bab Fadl Man Istabraa li Dinihi, no Hadith 52. Lihat Abu Abd Allah Muhammad bin Ismail al-Bukhari, *Sahih Bukhari*, ed. Muhammad Fuad ‘Abd al-Baqi, (al-Qahirah: Dar Ibn al-Haitham, 2004) 532

<sup>54</sup> Abu Muhammad Abdul Qādir bin Abu Soleh Abdullah bin Janki al-Jīlani. *Sirr al-Asrār Wa Muzhir al-Anwar*. (Kaherah : Maktabah al-Thaqāfah al-Dīniyyah .2016) 165

<sup>55</sup> Shihabuddin Abu Hafs ‘Umar bin Muhammad bin ‘Abdullah al-Suhrāwardi al-Baghdādi, *‘Awārif al-Ma‘ārif*, tahqiq Abdul ‘Aziz al-Khalidi ( Beirut : Dar al-Kutub al- ‘Ilmiyyah.1999) 193

<sup>56</sup> Imām Abū Hāmid Muhammad al-Ghazālī. *Ayyuha al-Walad*. Tahqiq Dr Is ‘ad al-Sahramani,( Beirut : Dar al-Nafais 2008) 95

<sup>57</sup> ‘Umar Suhrawardi. *Awārif al-Ma ‘ārif*.h. 378

<sup>58</sup> Hadith riwayat Imam Ahmad, Musnad, Jilid 2/ 353

<sup>59</sup> Sa ‘id Hawwa. *Al-Mustakhlash Fi Tazkiyyah al-Anfus*. Cet. 17 ( Kaherah: Dar al-Salam.2011)62-63

Abdullah at-Tustāri bahawa dia makan sekali dalam setiap lima belas hari. Jika bulan Ramadan tiba dia hanya makan sekali dalam satu bulan. Kemudian saya menanyakan hal tersebut kepada sebahagian guru-guru sufi. Maka mereka menjawab, “Setiap malam Sahl al-Tustāri hanya berbuka dengan air bersih sahaja.” Kisah di atas menunjukkan kesungguhan golongan sufi sejati dalam melaksanakan ibadah puasa sunat. Perkara ini turut dipersetujui oleh al-Hujwiri yang menjelaskan dalam kitabnya *Kashf al-Mahjūb*. Al-Hujwiri mencatatkan bahawa amalan puasa adalah kegemaran guru-guru sufi terkenal seperti Ibrahim bin Adham, Abdullah al-Khafif, Sahl Abdullah al-Tustāri dan ramai lagi.<sup>60</sup> Hakikat ini tidaklah menghairankan memandangkan dalam prinsip tasawuf, mujahadah adalah perkara penting dalam membersihkan dan membangunkan rohani manusia dan di antara tiang-tiang mujahadah itu sendiri adalah dengan cara lapar atau puasa.<sup>61</sup>

Sebahagian besar guru sufi sentiasa melaksanakan ibadah puasa sunat sama ada tatkala bermusafir atau ketika berada di rumah sampai mereka bertemu Allah. Mereka sangat menghayati maksud sabda Rasulullah SAW bahawa puasa adalah benteng.<sup>62</sup> Mereka berpendapat bahawa puasa adalah benteng dari api neraka di akhirat kelak. Puasa bagi orang yang berpuasa sewaktu di dunia merupakan benteng dari anak panah musuh-musuh manusia yang mengajaknya ke neraka. Musuh-musuh itu adalah syaitan, hawa nafsu, dunia dan syahwat.<sup>63</sup>

Maka orang yang memilih untuk sentiasa berpuasa bererti dia berusaha membentengi dirinya dengan benteng agar selamat dari tipu daya musuh-musuhnya. Sehingga mereka tidak mendapatkan kesempatan untuk menang dan menceburkannya ke dalam neraka. Sebahagian kalangan sufi memilih berpuasa seperti amalan puasa Nabi Dawud a.s sebab ada riwayat dari Nabi SAW yang bersabda yang bermaksud:-

" إِنْ أُمَّتِي يُدْعَوْنَ يَوْمَ الْقِيَامَةِ غُرًّا مُحَجَّلِينَ مِنْ آثَارِ الْوُضُوءِ، فَمَنْ اسْتَطَاعَ مِنْكُمْ أَنْ يُطِيلَ غُرَّتَهُ فَلْيَفْعَلْ "

Terjemahan:

*“Sebaik-baik puasa adalah puasa saudaraku, Dawūd. Dia sehari berpuasa dan sehari tidak berpuasa.”*<sup>64</sup>

Al-Sarrāj mengemukakan pandangan guru tasawuf tentang amalan puasa nabi Dawūd yang disebut oleh Nabi SAW sebagai sebaik-baik puasa. Menurut mereka sememangnya puasa Nabi Dawūd adalah puasa yang paling berat. Puasa dengan cara ini lebih berat bagi jiwa (nafsu) daripada puasa setahun penuh. Sebab nafsu seseorang yang telah terbiasa dengan puasa terus-menerus akan terasa berat bila dia tidak berpuasa. Demikian juga sebaliknya, jika nafsu seseorang telah terbiasa tidak berpuasa, maka akan terasa berat bila dia berpuasa. Sedangkan amalan puasa Nabi Dawūd, di mana sehari berpuasa dan sehari tidak berpuasa tidak akan memberikan kebiasaan nafsu untuk berpuasa atau tidak berpuasa. Oleh yang demikian puasa nabi Dawud dianggap puasa

<sup>60</sup> Al-Hujwiri, Kasyf al-Mahjub, h. 376-377

<sup>61</sup> Sa'īd Hawwa. *Mustakhlās Fi Tazkiyyah al-Anfus*, h. 130

<sup>62</sup> Al-Sarrāj. *Al-Luma' Fi Tarikh al-Tasawwuf al-Islami*, h. 171

<sup>63</sup> Abū Hāmid al-Ghazālī. *Minhāj al-'Abidin Ila Jannati Rabb al-'Alamīn*, Mahmud Mustafa Halawi (tahqiq). (Beirut: Dar al-Basha'ir al-Islamiyyah.2001)76

<sup>64</sup> Hadith Riwayat Abu Dawud, Kitab al-Sawm, Bab Sawmun Yaumun wa iftar yaumun, no: Hadith 2387. Lihat Abu Dawud Sulayman Ibn al-Ash'ath al-Azdi al-Sijistani, *Sunan Abi Daud*, ed. Muhammad Nasr al-Din al-Albani, Jil. 3 (al-Riyadh: Maktabah al-Maarif li al-Nashr wa al-Tawzi', 1998), 161.

yang paling berat. Pandangan yang sama seiring dengan pendapat Ibn Qudāmah<sup>65</sup> yang menyatakan bahawa puasa nabi Dawūd dianggap puasa yang paling berat kerana pertamanya puasa tersebut telah memberi pemberatan situasi puasa dan tidak puasa secara adil dan seimbang. Keduanya hari berbuka dianggap sebagai hari bersyukur manakala hari berpuasa dianggap sebagai hari bersabar. Sedangkan hakikat iman terbahagi dua iaitu sabar dan syukur. Ketiganya puasa seumpama ini memberatkan diri dalam bermujahadah.

Ibadah puasa yang ditunaikan dengan menjaga segala adabnya kelak akan berupaya melahirkan peribadi mukmin sejati yang tergambar daripada mujahadah mereka menentang hawa nafsu dengan melaksanakan ibadah puasa. Ibadah puasa ini akan menjadikan seseorang hamba sentiasa memelihara kesucian dan keikhlasan niatnya sehingga akhirnya puasa ini dapat mengawalinya daripada maksiat, dosa dan kederhakaan kepada Allah SWT sekaligus mampu membangunkan rohani ke arah kebaikan dan keredaan Allah.

### KESIMPULAN

Berdasarkan perbincangan di atas dapatlah dirumuskan bahawa adab-adab dalam pelaksanaan ibadah memainkan peranan penting dalam membentuk insan yang berkualiti dan soleh. Masyarakat yang dididik dengan adab kesopanan dalam setiap pelaksanaan ibadahnya kelak akan memberikan impak positif terhadap hubungan seorang hamba dengan penciptanya malah mampu membawa masyarakat ke arah kedamaian dan kebahagiaan. Adab-adab adab solat dan puasa yang dikemukakan oleh al-Sarraj jika benar-benar dihayati dan diamalkan akan melahirkan insan yang cemerlang dari aspek pembangunan rohani seorang muslim.

---

<sup>65</sup> Syeikh Ahmad bin Abdul Rahman Ibn Qudāmah al-Maqdasi. *Mukhtasar Minhāj al-Qāsidīn* (Beirut : Dār al-Qalam 1987) 40

## RUJUKAN

Al-Qurān al-Karīm

Abū Nasr al-Sarrāj al-Tūsi(t.t), *al-Luma' Fī al-Tārīkh al-Tasawwuf*, tahqiq oleh 'Imād Zaki al Barudi. Kaherah: Maktabah al-Tawfiqiyah.

Abū Nasr al-Sarrāj al-Tūsi(t.t), *al-Luma' Fī al-Tārīkh al-Tasawwuf*, tahqiq oleh Mustafa Kamal al-Hindawu. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.

Abū al-Qāsim 'Abd al-Karīm bin Hawāzin bin 'Abd al-Malik bin Talhah al-Qushayri, *al-Risālah al-Qushayriyyah*. Abu Yahya Zakariyya al-Ansari (Tahqiq) (Kaherah: Dār al-Salam, 2010),

Abū 'Abd al-Rahman al-Sulamī. *Tabaqāt al-Sufiyyah* (Kaherah: Maktabah al-Khanji, 2014)

Al-Imam 'Abdul Wahab al-Sha'rāni, *Tabaqāt al-Kubrā*, Jilid 1(Kaherah : Maktabah al-Tawfiqiyah.2011)

Abu Muhammad 'Abd al- Qadir bin Abu Soleh 'Abdullah bin Janki al-Jilanī. *Sirr al-Asrār Wa Muzhir al-Anwār.*( Kaherah : Maktabah al-Thaqafah al-Diniyyah .2016)

Abū al-Hassan 'Ali bin 'Uthman al-Hujwiri, *Kashf al-Mahjūb*, Is 'ad 'Abd al-Hādī Qindil (tahqiq). (Beirut: Dār al-Nahdah. 1980),

Abū al-Falāh al-'Imād al-Ḥambalī. *Syazarāt al-Zahab Fī Akhbār Man Zahaba*, Jilid 3 (Kāherah: Maktabah al-Qudsi 1350M)

Azyumardi Azra. *Ensiklopaedia Tasawuf*, Jilid 3, cet.1. (Jakarta: Penerbit Angkasa. 2008M)

Abu Nu'aym Aḥmad bin 'Abdullah al-Asfahānī. *Ḥilyah al-Awliya' Wa Tabaqāt al-Asfiya'*, Jilid 10. (Beirut: Dār al-Kutub al'Ilmiyyah t.t)

Abu Hamid Muhammad al-Ghazali. *Minhaj al-'Abidin Ila Jannati Rabb al'Alamin*, Mahmud Mustafa Halawi (tahqiq). Beirut: Dār al-Basha'ir al-Islamiyyah. 2001).

Abū Hāmid Muhammad al-Ghazālī. *Ayyuha al-Walad*. Tahqiq Dr Is 'ad al-Sahramani,( Beirut : Dar al-Nafais. 2008)

Abdul Qādir Ahmad 'Ata *al-Tasawwuf al-Islāmī Baina al Aṣālah Wa al Iqtibas Fī Aṣr al Nablisi* (Beirut : Dar al-Jamil, 1987)

Ahmad bin Abdul Rahman Ibn Qudāmah al-Maqdasi. *Mukhtasar Minhāj al-Qāsidīn* ( Beirut: Dār al-Qalam 1987)

Abu Hāmid al-Ghazālī, *Bidāyah al-Hidāyah*. Dalam Majmu'ah Rasail al-Imam al-Ghazali, Beirut: Dar al-Fikr.2010)

Abu Hafs 'Umar bin Muhammad bin Abdullah al- Suhrawardi. *Awārif al-Ma 'ārif* (Beirut: Dar al-Kutub al- Ilmiyyah)

- Abū Muhammad bin ‘Abdullah bin As’ad al-Yafī’ī. *Mirātul Jinān Wa ‘Ibārat al-Yaqazan* (Beirut: Muassasah al-‘Alami li al-Matbu’ah. 1970M )
- Abū Hassan ‘Ali bin Abi al- Karīm Muhammad bin Muhammad ‘Abdul Karim bin ‘Abdul Wahid al-Syaibāni Ibn Athīr. *Al-Kāmil fī al-Tārīkh. Jilid 2* (Beirut: Dār al-Kutub 1987m)
- ’Abdul Qadir ‘Isa, *Haqaiq ‘an al-Tasawwuf*, (Kaherah: Dar al-Maqtam.2013)
- Bustanuddin. Agus, *Islam dan Globalisasi*. (Johor Baharu: Penerbitan Jahabersa.2011)
- Basir Jalati, *Haqiqat al-Tasawwuf Bayna al-Ta’sīl Wa al-Ta’t’hīr*. (Lubnan: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 1998)‘
- Che Zarrina Saari. *Peranan Tasawuf Dalam Pembangunan Spiritual Umat Islam di Malaysia* dalam Pemikiran Islam Dan Cabaran Semasa, Mohd Fauzi Hamat, Wan Suhaimi Wan Abdullah, Che Zarrina Saari (ed.). (Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya 2004)
- Che Zarrina Saari, *Peranan Penyucian Jiwa (Tazkiyah al-Anfus) Terhadap Pembangunan Insan Dalam Masyarakat bertamadun*, (2007)92 Dalam Seminar Tasawuf Negeri Sembilan. (Negeri Sembilan: Pejabat Mufti Kerajaan Negeri Sembilan. 2007).
- C.E Bosworth, E. Van Donzel, W.P. Heinrichs. *Encyclopaedia of Islam*, Volume 1X ( Leidin Brill. Netherlend. 1997M)
- Faudzinaim Badaruddin, *Pembangunan Ummah: Relevansi Peranan Tasawuf Dalam Konteks Moden*. Dalam Budaya dan Pemikiran Islam Mesir-Malaysia. (Selangor: Jabatan Usuluddin dan Falsafah UKM. 2006)
- Hasnah Hussain, *Globalisasi: Kesannya Ke atas Pembentukan Modal Insan Di Malaysia*. Pahang: Universiti Malaysia Pahang.2007)
- Ibn Abdullah al Naqsyabandi, *Mencapai Makrifat (Satu Pendekatan)*, (Kuala Lumpur: al-Hidayah Publisher.2005)
- Ibn al-Qayyim al-Jauziyyah.( t.t), *Madārij al-Sālikin baina Manāzil Iyyāka Na’budu Waiyyaka Nasta ‘īn*. (Beirut: Dar al-Jil.t.t)
- Idrus Abdullah al-Kaf, *Bisikan-Bisikan Ilahi: Pemikiran Sufistik Imam al-Haddad dalam Diwan al-Durr al-Manzhum*. (Bandung: Pustaka Hidayah. 2003)
- Jahid Sidek, *Penyakit-Penyakit Hati: Punca dan Kaedah Rawatan Menurut Prinsip Tasawuf* dalam Seminar Tasawuf Negeri Sembilan 2007 anjuran Negeri Sembilan: Jabatan Mufti Negeri Sembilan (2007)60.  
Selangor: Thinkers Library Sdn. Bhd, 2000)
- K.H. Muhibbuddin al-Waly, *Hakikat Hikmah-Tauhid dan Tasawuf (al-Hikam)*, (Singapura: Pustaka Nasional Pte Ltd, 2000)
- Kharuddīn al-Zirkilī. *Al-A’lām Qāmus Tarājum lī ‘Asyhar al-Rijāl wa al-Nisā’ Min al-‘Arāb wa al-Musta’ribīn*, Jilid 3,cet. 2 (Beirut : Dār al-‘Ilmī lil Malayīn 1995M)

- Mamduh al-Zarubi, *al-Turuq al-Sufiyyah Zuruf al-Nash'ah wa Tabi 'ah al-Dur*, cet. 1, (Syria: Dar al al'ilmu 2004)
- Mohd Fauzi Hamat dan Mohd Khairul Naim Che Nordin. *Akidah dan Pembangunan Insan*. (Kuala Lumpur: Universiti Malaya 2012)
- Muhammad Zainy Uthman, *Pengajian dan Kesarjanaan Tasawuf Sepanjang Zaman*". Dalam Tasawuf dan Ummah. Wan Suhaimi Wan Abdullah & Che Zarrina Saari (ed.). (Kuala Lumpur: Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam, APIUM, Universiti Malaya, 2004),
- Michael A. Sells, *Sufisme Klasik*, D. Slamet Riyadhi (Terj.).(Bandung: Media Transformasi, 2003)
- Mohd Tamyas bin Abdul Wahid. (Dato'Setia Haji), *Cabaran Ulama Sebagai Pencetus Kebangkitan Ummah Dalam Mendepani Arus Globalisasi*". Dibentangkan dalam Persidangan Antarabangsa Tokoh Ulama Melayu Nusantara. Selangor. 2015).
- Majdi Muhammad Ibrahim, *Al-Tasawwuf al-Sunni Hāl al-Fana' Bayn al-Junayd wa al-Ghazālī* (Kaherah: Maktabah al-Thaqafah al-Diniyyah, 1998),
- Mohd Syukri Salleh "Pembangunan Untuk Manusia atau manusia untuk Pembangunan: Analisa Tentang Manusia Dalam Pembangunan Berteraskan Islam". Dibentangkan dalam Seminar Pembangunan Islam II, (anjuran Pergerakan Pengajian Pembangunan Universiti Sains Malaysia. 1983)
- Mohd Fauzi Hamat dan Mohd Hasrul Shuhari. *Asma' al-Husna dan Modal Insan*. (Kuala Lumpur: Universiti Malaya.2011)
- Mohd Fauzi Hamat. *Peranan Akidah Dalam Perancangan Pembangunan Ummah: Satu Analisis Dalam Konteks Masyarakat Kini*. Jurnal Usuluddin. Bil 16, (Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya 2002).
- M. Kamal Hassan. *Pembinaan Bangsa Malaysia Yang Berperadaban Tinggi Dalam Sebuah Negara Maju*. Dibentangkan dalam Kongres Menjelang Abad 21: Islam dan Wawasan 2020, Anjuran IKIM, Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) :Kuala Lumpur,. (1992),
- Murtadza (Dato' Hj), *Penjanaan Tariqat tasawuf dalam Pembangunan Rohani Negara*, (Negeri Sembilan: Jabatan Mufti Negeri Sembilan.2008)
- Muhammad al-Ghazali, *Tujuan Hidup Para Sufi*. (Kuala Lumpur: Pustaka Ilmi, 1996).
- Mohd Ghani Awang, *Faktor Penghalang Kepada pembangunan Modal Insan di Malaysia*". Dalam Modal Insan: Konsep, Aplikasi & Isu-isu Kontemporari Dalam Cabaran Pemerkasaan Tamadun Insan. Ahmad Fazullah Zainal Abidin, Jamal Rizal Razali dan Hasnah Hussiin (ed.). Pahang: Universiti Malaysia Pahang, 2007)
- Norazlan Hadi Yaakob dan Aiza Maslan @ Baharudin. *Manusia dan Perkembangan Peradaban: Beberapa Aspek Pemikiran Malik Bennabi dan Ali Syariaty*. *Journal of Human Capital Development*. Vol 7. No 1 January-June 2016)

- Nor Fadhilah binti Abdul Rahman dan Prof Dato' Zakaria bin Stapa. *Pembangunan Kerohanian Berasaskan al-Muhasibi Dalam Menangani Gejala Sosial Masa Kini*. (Dibentangkan dalam International Conference on World Conference. Bandung Indonesia, pada 14-15 September 2014)
- Noresah Baharum. *Dewan Edisi Ketiga*, (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2002)
- Othman al-Habsyi. *Islam dan Pembangunan Ekonomi di Malaysia: Satu Perubahan Paradigma*. Dibentangkan dalam Kongres Menjelang Abad 21: Islam dan Wawasan 2020, Anjuran IKIM, Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) :Kuala Lumpur 1992)
- Reynold Alleyne Nicolson. *The Kitab Al-Luma' Fī 'L.Tasawwuf*. (London: E.J. Brill Leiden. 1914M)
- Sirajuddīn Abū Hafs 'Umar bin Ali bin Ahmad bin Ahmad al-Misriy Ibn Maḳān. *Tabaqāt al-Awliya'*. Tahqiq Nuruddin Syaribah (Kaherah: Maktabah Khanji 1973)
- Syihabuddīn bin Faḍlillah al-'Umari. *Masālik al-Absār Fī Mamālik al-Amsār*, tahqiq Prof Dr 'Amir al-Najjār. (Kaherah: Maktabah al-Thaqāfah al-Dīniyyah. 2009).
- Suhaila binti Abdullah & Mohd Nizam Sahad "*Usaha Pembangunan Modal Insan Golongan Belia dan Cabaran Semasa*". Dibentangkan dalam Seminar Pembangunan Insan di Malaysia, Kuala Lumpur: Universiti Malaya, 2008)
- Siddiq Fadzil. *Pembangunan Umat Cemerlang: Agenda Menyambut Abad Asia*. Dalam Zulkifli Mohd, Berhanuddin Abdullah Ed. Etl. Modal Insan dan Cabaran Pembentukan Ummah Cemerlang ( Kuala Terengganu: Universiti Sultan Zainal Abidin. 2014)
- Shihabuddin Abu Hafs 'Umar bin Muhammad bin 'Abdullah al-Suhrawardi al-Baghdadi, '*Awarif al- Ma' arif*, tahqiq Abdul 'Aziz al-Khalidi ( Beirut : Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.1999)
- Sulaiman Yasin, *Mengenal Ilmu Tasawuf*. (Selangor: Penerbit al-Rahmaniyyah, 1984).
- Syamsuddin bin Muhammad Ahmad bin Uthman al-Zahabī. *Tārīkh al-Islam Wa wafayāt al-Masyāhir wa al-A'lām* (Beirut: Dār al-Kitab al' Arabi 1990M)
- Seman bin Haji Jaafar, *Pengetahuan Wajib Setiap Muslim* (Selangor: al -Hidayah Publication, 2012)
- Sa'id Hawwa. *Al-Mustakhlash Fi Tazkiyyah al-Anfus*. Cet. 17 (Kaherah: Dar al-Salam.2011)
- Zulkiple Abdul Ghani. *Penjanaan Tariqat tasawuf dalam Pembangunan Rohani Negara* (Negeri Sembilan: Jabatan Mufti Negeri Sembilan 2008)
- Zakaria Stapa dan Mohamed Asin Dollah. *Islam. Akidah dan Kerohanian*.(Selangor: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia,1998)